

Headline	Permulaan Cemerlang	Language	MALAY
Date	21. May 2008	Page No	1,2,3
Media Title	Harian Metro	Article Size	2259 cm²
Section	Variasi	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000		



V Variasi

Permulaan cemerlang

>Hari pertama Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2008) di ibu kota mencatatkan lima perjanjian bernilai lebih RM5.3 bilion

WITSA's World Congress on IT 2008 - May 18-22

m2

Headline
Date
Media Title

Permulaan Cemerlang
21. May 2008
Harian Metro

Malaysia tuan rumah cemerlang

WCIT 2008 disifatkan kongres paling besar dan mantap pernah dianjurkan



Fokus

MEMINUAM kata-kata bapa teknologi komunikasi dan masyarakat maklumat (ICT) dunia, Bill Gates melalui hologramnya ketika Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2008) ke-16 yang berlangsung di ibu kota, dunia semakin memerlukan teknologi dengan kadar celik komputer bercambah.

Tepat dengan buah fikiran itu, pengaruan WCIT 2008 perlu dijadikan titik permulaan Malaysia mengejar teknologi seterusnya memotong jura lain untuk mendahului 'trek' ICT.

WCIT 2008 menjadi median permulaan apabila lebih 50,000 delegasi dari pelbagai negara yang hadir terpegun dengan pekembangan ICT di negara ini.

Bukan itu saja, Malaysia yang menjadi tuan rumah, memulakan pungutan 'pingat

emas' hari pertama acara dianggap Olimpik IT ini apabila menyaksikan lima perjanjian bermilai lebih RM5.3 billion melalui pelaburan dan perniagaan.

Malah, Pengurus Gabungan Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Dunia (WITSA), George Newstrom menyifatkan WCIT 2008 yang dianjurkan pada tahun ini adalah yang paling cemerlang berdasarkan beberapa kriteria.

"Tidak kira apa jua pendapat, saya dapat lihat WCIT 2008 adalah yang terbesar dan kongres paling mantap dalam dunia IT," katanya.

Beliau menambah, berdasarkan maklum balas luar jangkaan daripada syarikat IT dunia yang menghadiri kongres kali ini di Kuala Lumpur, WCIT 2008 bakal menempa sejarah dan mencipta pelbagai idea baru dalam perkembangan teknologi.

"Saya terkejut apabila dimaklumkan pelbagai pihak menaja lebih RM32 juta sama ada dalam bentuk tunai,

barang dan sebagainya bagi menjayakan kongres terungguin.

"Apa lagi yang boleh dikatakan? Lebih 70 rakan kongsi yang hadir, 90 negara terbabit, lebih 100 penceramah memberikan pendapat, lebih 3,000 delegasi, 2,000 perbincangan perniagaan dan 50,000 peserta hadir, semuanya menunjukkan kejayaan tahun ini," kata Newstrom.


WITSA adalah konsortium yang dianugerai 73 pertubuhan ICT antarabangsa yang mana ahlinya adalah 90 peratus daripada peserta utama industri berkenaan.

Perjanjian RM5.3 billion termasuk antara Mimos Berhad dan Microsoft Malaysia mengenai penubuhan Microsoft Innovation Centre (MIC) di Mimos Technology Park, dan antara MSC Cyberport Sdn Bhd dan Sunil Mantri Group bagi pembangunan MSC Cyberport City, sebuah MSC Malaysia Cybercity khusus di kawasan seluas 150 ekar di



PLATFORM... Bill Gates menyampaikan ucapan secara maya menggunakan teknologi holografik menyifatkan kadar celik IT di seluruh dunia semakin meningkat.

LANCAR... Abdullah (kiri) diiringi Newstrom (kanan) dan Menteri Teknologi dan Inovasi, Datuk Maximus Ongkili menyentuh panel skrin khas ketika merasmikan WCIT 2008, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



INOVATIF... Pengerusi Intel Corp, Datuk Craig Barrett menyampaikan ucapan pada WCIT 2008 berpendapat teknologi komunikasi WiMAX harus disegerakan untuk membolehkan daya saing tinggi antara pengguna.

ABDULLAH... Malaysia mahu jauh ke depan dalam ICT.



Headline
Date
Media Title

Permulaan Cemerlang
21. May 2008
Harian Metro



MAJUKAN NEGERI...
inisiatif MSC Malaysia Sarawak amat penting untuk merealisasikan matlamat menjadikan negeri dengan ekonomi berdasarkan pengetahuan menjelang 2010.

METERAI... Yasmin (kiri) bertukar dokumen dengan Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah untuk penubuhan MIC sebagai ekosistem inovasi.



PENDIDIKAN PINTAR...
murid sekolah mendengar penjelasan kaedah pembelajaran berdasarkan teknologi maklumat yang kini diterapkan di sekolah.

JELAS... Abdullah mendengar penjelasan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman mengenai pembangunan MSC Cyberport dan Wilayah Iskandar.



Johor.

Sementara itu, Pihak Berkusa Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia (IRDA) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pula memeterai perjanjian bagi meningkatkan usaha sama, terutama dalam bidang pemasaran dalam mempromosikan program inkubator serta idea mengenai pembangunan generik. Manakala, Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) serta 10 entiti berasingan yang menumpukan inisiatif bagi merapatkan jurang digital menerusi Projek Menguasai Aplikasi Internet dan komputer peribadi (PC).

Kerjasama antara Mimos dan Microsoft yang terjalin membolehkan Mimos menyediakan prasarana fizikal dan tenaga kerja bagi membangunkan teknologi berdasarkan penyelidikan sementara Microsoft membekalkan perisian, perkakasan dan akses dalam memacu inovasi.

Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Yasmin Mahmood, berkata syarikatnya percaya inovasi adalah kunci penggunaan dalam bidang ICT namun menyedari ia tidak akan wujud begitu saja tanpa faktor lain.

"Inovasi datang daripada prasarana, tenaga kerja, perkakasan dan akses kepada maklumat yang mantap dan saya percaya penubuhan MIC akan membangunkan ekosistem inovasi yang memajukan pengetahuan di negara ini," katanya.

Satu lagi kejutan terbaru WCIT ialah pengumuman Intel Capital (Intel) yang menyampaikan hasrat melabur RM50 juta dalam pembekal penyelesaian rangkaian dan perkhidmatan masa depan, Green Packet Berhad (Green Packet).

Intel dan anak syarikat Green Packet, Packet One Networks (Malaysia) akan bekerjasama membagikkan urusan menyediakan rangkaian WiMax 802.16e ke seluruh negara yang mana permulaannya dijangka bermula Jun ini.

Presiden Intel Capital, Arvind Sodhani, berkata Intel menyertainya dalam komited dalam pembangunan WiMax perlu disegerakan dan momentum menuju arah itu amat kuat dengan lebih 280 percubaan kepada talian tetap serta mudah alih, malah lebih 110 negara kini menggunakan WiMax secara komersial.

"Kami mempunyai objektif tersendiri melalui pelaburan ini, peningkatan standard jalur lebar berkelaian tinggi adalah satu daripadanya," katanya.

Pengumuman itu sangat baik untuk permulaan negara ini menuju penggunaan WiMax yang bakal menjadi komersial berskala besar di Asia Tenggara dan Malaysia mampu menjadi negara pertama di luar Korea yang memiliki rangkaian 802.16e 2.3GHz.

Keupayaan WiMax tidak perlu dipertikaikan memandangkan ia mampu membekalkan kelajuan jalur lebar pantas untuk mengakses aplikasi data seperti

filem dan kandungan multimedia unggul.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang merasmikan WCIT 2008 memaklumkan manfaat ICT diperoleh melalui WCIT bukan saja membantu dalam meningkatkan kualiti teknologi



Saya berpendapat
WCIT 2008 adalah
yang terbesar dan
kongres paling
mantap dalam
dunia IT"

>George Newstrom
Pengerusi WITS

tapi bertindak sebagai perakasan maklumat merubah beberapa isu.

"Melihat senario global kini, inilah masa untuk melihat ICT bergerak maju membantu menyelesaikan cabaran yang kita hadapi," kata Abdullah.

Menurutnya, aplikasi berdasarkan teknologi yang menggabungkan ciri temaju dalam agrikultur, bioteknologi dan ICT membekalkan jawapan kepada masalah kekurangan sumber makanan dunia.

"Mengambil contoh negara ini, penyelesaian ICT membendung kekurangan bekalan agrikultur seperti teknologi yang memberikan maklumat pasaran kepada petani, nelayan melalui internet sudah digunakan sejak beberapa lama," katanya.

Intel dan anak
syarikat Green
Packet, Packet
One Networks
(Malaysia) akan
ekerjasama
membahagikan
urus
menyediakan
rangkaian WiMax
802.16e
ke seluruh negara
yang aman
permulaannya
dijangka Jun ini.

Ketika WCIT 2008 juga, Perdana Menteri mengumumkan Malaysia akan menggunakan teknologi kad pintarnya bagi mengurus dengan lebih baik serta memudahkan penyaluran subsidi kepada golongan petani,

"Malaysia akan terus memperkenalkan langkah perlu termasuk melabur dalam prasarana dan perkhidmatan ICT bagi meningkatkan persaingannya

dan meletakkan negara pada landasan pantas menuju era maklumat," katanya.

Abdullah berkata Malaysia akan melancarkan Inisiatif jalur lebarnya tidak lama lagi yang mensasarkan sehingga 50 peratus isi rumah menjelang 2010, meningkat daripada 15.5 peratus tahun lalu.

"Menyedari nilai ICT yang membantu memperkasakan rakyat, peningkatan celik ICT akan diperkongsikan selain capaian Internet pantas dan mudah akan diperkenaskan kerana ia bukan lagi satu kemewahan, malah menjadi keperluan rakyat," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia akan melancarkan kemudahan e-pembayaran komprehensif tidak lama lagi membabitkan lebih 100 agensi kerajaan.

Selain laksana bersama-sama itu, Sarawak tidak ketinggalan menjadi antara negeri yang mahu menjadikan WCIT 2008 ionjtan kepada peningkatan kualiti ICT membolehkan rakyatnya menikmati nikmat hidup berteknologi.

Justeru itu, inisiatif MSC Malaysia Sarawak dilancarkan bagi berusaha merealisasikan matlamat untuk menyediakan prasarana berdasarkan teknologi, perkakasan dan perkhidmatan serta sokongan perlu bagi Koridor Tenaga Boleh Diperbaiki Sarawak (SCORE).

Ketua Menterinya, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata inisiatif itu penting ke arah merealisasikan aspirasi Sarawak menjadi ekonomi berdasarkan pengetahuan menjelang 2010.

Menerusi fasa satu Inisiatif MSC Malaysia Sarawak itu, beberapa program yang memberi tumpuan terhadap kemudahan luar bandar, pembangunan modal insan, industri e-konomi dan pembinaan pusat-pusat kecemerlangan, kini tetapkan.

"Penduduk Sarawak akan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan bagi memberi manfaat serta bekalan perlu kepada masyarakat dan kehidupan rakyat. Saya tidak sabar lagi hendak melihat semua penduduk Sarawak menguasai teknologi maklumat dan komunikasi sebagai sebahagian daripada kehidupan harian mereka," kata Abdul Taib.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif itu, Seri Sarawak PMC Sdn Bhd dilantik sebagai entiti yang diberi kuasa untuk merancang, menyerlas dan mengurus inisiatif MSC Sarawak.

Seri Sarawak akan tertakluk kepada Indeks Prestasi Utama dan obligasi lain yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dan pihak berkua lain yang berkaitan.

Oleh itu, Seri Sarawak akan bekerja rapat dengan kementerian dan agensi yang berkaitan, khususnya MDeC serta agensi kerajaan negeri lain.

WCIT 2008 masih berlangsung dan pelbagai idea baru dalam bidang ICT dijangka akan diketengahkan.